



21 SEP, 2026

Sedarlah diri, kita hanya rakyat

Sinar Harian, Malaysia



Sedarlah diri, kita hanya rakyat



**PENA
NURANI**
WAN IZAR
HAIZAN WAN
ROSELY

Warna-warni sungguh media Malaysia kebelakangan ini. Bermula dengan berita duka apabila helikopter Perkhidmatan Doktor Udara yang terhempas saat pulang memberi perkhidmatan di kawasan pedalaman Sarawak. Tatkala berita tentang kebaikan setiap satu mangsa saat hayat mereka, juga video menteri yang imamkan solat jenazah salah seorang mangsa sedang memujuk hati kita, ada kenyataan pahit masih berhutang penjelasan kepada rakyat.

Mengapa helikopter yang sebegitu uzur dan wajar dilupuskan masih dibiarkan terbang memberi khidmat kepada rakyat? Sedangkan pemimpin dan VVIP dalam kerajaan diberikan helikopter yang jauh lebih baik dan baharu.

Kemudiannya, berita 40,000 hingga 60,000 pesawah tak dapat baja sampai menjejaskan pengeluaran beras tempatan mula tular. Bukan sekadar baja lewat sampai, tapi kualiti baja dibekalkan juga didakwa tak capai standard sepatutnya. Namun hanya dengan bantuan pempengaruh media sosial, suara pesawah akhirnya didengari. Kini, bekalan baja sudah mula diagihkan. Cuma, punca kelewatan agihan tersebut belum terjawab dan masih dalam siasatan.

Reda isu baja, timbul pula isu bil elektrik tinggi. Rupa-rupanya, sejak beberapa bulan lalu, ramai yang dalam diam menanggung beban bil elektrik yang naik ketara sedangkan jumlah penggunaan tak jauh beza daripada sebelumnya. Bagaimana TNB terus mengaut untung besar setiap tahun, sedang pengguna pula terpaksa tanggung beban kos sumber tenaga akibat ketidaktentuan bekalan tenaga dunia? Penjelasan TNB dituntut, tapi kerajaan pula tampil umumkan had penggunaan elektrik isi rumah bersubsidi dinaikkan kepada 800kWh hingga Disember 2026. TNB hanya letakkan salah pada pelanggan kerana gagal berjimat cermat menggunakan elektrik.

Belum pun reda isu ini, tular pula video pihak berkuasa negeri Pahang melancarkan operasi penguatkuasaan bersepadu di Hutan Simpan Kekal Tasik Bera melibatkan Orang Asli Semelai. Ia susulan penerokaan haram seluas 7,284 hektar kawasan Hutan

Simpan Kekal dan Tapak Ramsar Tasik Bera untuk tanaman kelapa sawit dan getah.

Dengar kata, ada sindiket atau dalang luar yang berselindung di sebalik nama Orang Asli dan naratif 'tanah adat' bagi membuka ladang sawit berskala besar di kawasan tersebut. Tapi, siapa pula sebenar-benar dalangnya?

Dan isu yang paling sensasi dan terkini tentulah keputusan pengampunan bersyarat bekas Perdana Menteri Malaysia yang telah didapati bersalah pada 2022 kerana menyeleweng dana awam. Sekiranya beliau berjaya bayar denda RM50 juta, beliau boleh habiskan baki hukuman lima tahun di rumah. Sejurus selepas keputusan tersebut, Tabung Solidariti Najib Razak dengan sumbangan minimum RM10 dilancarkan.

Penyokongnya tentulah gembira. Tapi tak kurang ramai yang keliru dan kecewa, pemimpin yang sudah disabit bersalah pecah amanah boleh diampunkan atas dasar jasa. Sedangkan ramai pesalah lain yang terpaksa mencuri demi kelangsungan hidup dan keluarga terpaksa habiskan tempoh hukuman tanpa ruang pengampunan, hanya kerana mereka rakyat biasa.

Mesejnya jelas. Sebaiknya, sebagai rakyat marhaen, kita belajarlah untuk sedar diri. Tak perlu terlalu banyak bertanya. Kalau helikopter uzur terhempas, tunggulah laporan siasatan. Kalau baja tak sampai, tunggulah pihak berkuasa selesaikan dan cari puncanya. Kalau bil elektrik naik, belajarlah berjimat. Kalau ribuan hektar hutan diteroka, tunggu saja hukuman ke atas dalangnya. Dan andai seorang bekas pemimpin yang disabitkan bersalah mendapat pengampunan, belajarlah jadi manusia yang mengenang budi.

Bersabar juga ada baiknya. Lagipun, negara ini besar. Masalahnya juga banyak. Ingatan rakyat seperti kita pula pendek. Hari ini kita menangi mangsa helikopter, esok marah kerana baja, lusa mengeluh kerana bil elektrik. Lepas itu kita berdebat pula tentang pengampunan. Sampailah muncul lagi isu yang buat kita bersedih, marah, lalu akhirnya, kita bersabar semula hingga semuanya berlalu dan dilupakan.

Janganlah terlalu banyak bertanya siapa yang bertanggungjawab, siapa buat keputusan mahupun mempersoalkan apa yang sedang berlaku. Ingatlah kita bahawa pemimpin di atas sana itu yang sedang bermati-matian bekerja demi jaga rakyat seperti kita. Jangan rumit dan remehkan pengorbanan mereka. Mungkin lebih mudah andai rakyat jadi seperti ayam daging saja, menanti disuap dedak bila tiba masanya, dan disembelih jadi hidangan bila sampai umurnya.

**Dr Wan Izar Haizan Wan Rosely ialah penulis novel dengan nama pena Michiko Ohara*